

Pelancong antarabangsa boleh ke Langkawi

Ulm - 23/10/2021
m/s: 3

Oleh **MAISARAH SHEIKH RAHIM**
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Negara bakal menerima kemasukan pelancong antarabangsa menerusi pelaksanaan Gelembung Pelancongan Antarabangsa bagi Projek Rintis Pulau Langkawi bermula 15 November ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, susulan itu, bagi pelancong antarabangsa yang berhasrat memanfaatkan inisiatif itu perlu memenuhi syarat dan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang dipersetujui Jawatankuasa Khas Pengurusan Pandemik Covid-19 sebagaimana dicadangkan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC).

Menurut beliau, terdapat empat syarat melibatkan SOP praperlepasan, ketibaan dan penginapan; praperlepasan pulang ke negara asal dan projek rintis.

Bagi syarat praperlepasan, kata Perdana Menteri, kumpu-

lan sasaran pelancong antarabangsa perlulah dalam kalangan pelancong berkualiti, individu yang divaksin lengkap, anak di bawah umur 18 tahun wajib hadir bersama-sama ibu bapa atau penjaga masing-masing divaksin lengkap dan daripada senarai negara yang dibenarkan tertakluk kepada Jabatan Imigresen Malaysia/Kementerian Kesihatan Malaysia atau Kementerian Luar Negeri.

“Tempoh tinggal sekurang-kurangnya tiga hari, tiada syarat kuarantin (terpakai untuk Gelembung Pelancongan Antarabangsa Langkawi sahaja), melaksanakan ujian RT-PCR Covid-19, 72 jam sebelum berlepas dan wajib dalam bentuk digital atau cetakan.

“Memiliki insuran minimum US\$80,000, wajib menggunakan khidmat pelancongan (pengendali pelancongan berlesen), wajib mempunyai passport dan visa *Health Declaration Form LoU and Indemnity*, memuat turun aplikasi MySe-



ISMAIL SABRI YAAKOB

jahtera dan mendaftar sebelum berlepas,” katanya dalam kenyataan semalam.

Ismail Sabri berkata, bagi syarat ketibaan dan penginapan pula adalah melalui lapangan antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), membuat ujian pengesanan air liur (1 jam 30 minit) atau terus ke Langkawi (wajib ujian RT-PCR Covid-19 pada hari kedua).

Kata beliau, sekiranya mereka positif, akan terus dibawa ke pusat pengasingan atau kuarantin atau hospital swasta (mengikut kategori).

“Menggunakan seorang pemandu pelancong dalam satu kumpulan lawatan (maksimum 20 orang),” katanya.

Perdana Menteri menjelaskan, sekiranya melancong selama tiga hari, ujian saringan RT-PCR Covid-19 pada hari kedua memadai (boleh digunakan untuk berlepas pulang ke negara asal).

Kata beliau, sekiranya melancong lebih lima hari, wajib melakukan ujian saringan pada hari kelima dengan semua kos ditanggung sendiri oleh pelancong.

“Ujian RT-PCR Covid-19 diperlukan bagi syarat pra-perlepasan pulang ke negara asal iaitu 72 jam sebelum berlepas. Sekiranya melancong selama tiga hari, ujian saringan pada hari kedua boleh digunakan untuk berlepas pulang ke negara asal,” kata beliau.